

11 APR 1996

Mahathir-Mesra

GERAK MESRA BUKAN PROPAGANDA KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR

KANGAR, 11 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa program Gerak Mesra anjuran Kementerian Penerangan tidak harus dianggap sebagai propaganda kerajaan untuk mendapat sokongan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, program itu adalah usaha kerajaan dalam mengingatkan rakyat agar sentiasa mengamalkan nilai murni dalam hidup bermasyarakat dan menghargai betapa kemesraan hubungan pelbagai kaum sekarang menjadi tunjang kepada keamanan yang dinikmati negara.

"Kita tidak berniat untuk menjadikan program ini sebagai medan untuk menonjolkan pemimpin kerajaan. Bukan itu sebabnya...kalaulah itu matlamatnya, kita mempunyai banyak cara lain," katanya ketika melancarkan program Gerak Mesra peringkat negeri Perlis di Kompleks Warisan, di sini.

Lebih 3,000 orang menghadiri majlis itu yang merupakan pelancaran peringkat negeri yang kedua selepas Kedah, yang berlangsung di Sungai Petani bulan lepas.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Ketua Badan Perhubungan Umno Perlis Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengadakan program Gerak Mesra kerana ia percaya bahawa kemesraan itu adalah nilai yang cukup baik bagi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

"Kalau ada kemesraan, negara dan masyarakat akan aman, keluarga menjadi lebih bahagia dan kita akan menjadi sebuah negara yang kian maju," katanya.

Menurutnya, program itu merupakan peringkatan kepada masyarakat supaya sentiasa mengekalkan suasana harmonis dan penuh kemesraan sesama mereka.

Katanya, ciri itu perlu sentiasa dipupuk agar tidak masyarakat tidak lupa atau menganggap ia sesuatu yang biasa dan akan berkekalan.

Beliau berkata, ciri itu umpama kesihatan yang perlu diberi perhatian kerana jika tidak, suatu hari seseorang itu akan dihadapi penyakit yang mungkin tidak boleh diubati.

Perdana Menteri berkata bahawa kemesraan itu adalah nilai murni yang amat penting bagi Malaysia ia menjadi tunggak kepada keamanan yang telah membolehkan negara mencapai kemajuan.

Katanya, nilai itu perlu dipupuk oleh ibu bapa di peringkat keluarga serta guru-guru di sekolah dan pemimpin agar generasi akan datang dapat terus menghargainya.

"Bukannya kita tidak pernah merasai ketegangan kaum. Peristiwa itu berlaku pada 1969 tetapi sejak itu, hubungan antara kaum bertambah baik dan kini matlamat kita adalah untuk mengeratkan lagi hubungan baik itu," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia menerima pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah negara model dalam kemesraan hubungan pelbagai kaum.

Katanya, bekas Perdana Menteri Sweden Carl Bildt yang mengunjungi beliau baru-baru ini berpendapat Malaysia boleh dijadikan tempat bagi pemimpin Bosnia dan Serbia mempelajari cara hidup yang aman dalam menjalin hubungan kemesraan seperti yang diamalkan oleh rakyat negara ini.

Perdana Menteri menegaskan bahawa maju atau mundur sesuatu masyarakat terletak kepada ciri-ciri budayanya.

Menurutnya, budaya yang mengandungi nilai hidup yang murni akan menentukan masyarakat itu mencapai kemajuan dan dihormati.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyatakan keyakinannya bahawa Perlis akan mencapai kemajuan yang setanding dengan negeri-negeri lain sekiranya penduduk dan kepimpinannya sanggup berusaha.

"Kedudukan Perlis yang jauh dan terpencil dari ibu negara Kuala Lumpur bukannya halangan bagi negeri ini untuk maju. Ini sudah dapat dilihat berlaku sekarang...Perlis yang dahulunya terkenal dengan laksa di Kuala Perlis dan sate di Kangar, sudah mampu membina bot laju," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Shahidan memberikan pengiktiran kepada Dr Mahathir sebagai "Bapa Pembangunan Malaysia Moden" kerana jasa dan sumbangannya dalam membangunkan negara.

Beliau kemudiannya menyarungkan selendang yang tertera gelaran itu kepada Perdana Menteri.

Selepas upacara perasmian, Dr Mahathir melawat gerai-gerai aktiviti Gerak Mesra di sekitar kompleks itu. -- BERNAMA

MFJ NMO